



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### MAVCOM MELULUSKAN 43% LEBIH BANYAK KAPASITI PENERBANGAN TAMBAHAN UNTUK MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023 BERBANDING TAHUN LEPAS

**KUALA LUMPUR, 8 April 2023** – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah meluluskan 527 penerbangan tambahan untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri. Ini adalah 43 peratus lebih banyak berbanding kapasiti tambahan yang diluluskan pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun lepas.

Langkah ini bertujuan menampung permintaan yang tinggi. Selari dengan industri penerbangan antarabangsa, penetapan harga tiket biasa adalah berdasarkan mekanisme dinamik di mana pembeli awal boleh mendapat harga terbaik apabila masih banyak lagi tiket belum terjual. Namun harga boleh menjadi mahal apabila baki tiket semakin berkurangan di pasaran.

Sejak awal bulan Mac, MOT dan MAVCOM telah mengambil langkah proaktif dan mengalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menawarkan harga penerbangan berpatutan. MAVCOM telah **meluluskan semua permintaan kapasiti tambahan oleh syarikat penerbangan yang menawarkan tambang tetap** ke destinasi-destinasi utama dalam Malaysia.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Berikutan kelulusan MAVCOM, syarikat penerbangan AirAsia dan Batik Air telah mengumumkan tiket penerbangan tambang tetap pada Mac 7 dan Mac 10. (Sila rujuk jadual kronologi **Jadual 1** untuk perincian).

MAVCOM turut meluluskan penerbangan-penerbangan tambahan lain untuk **memastikan ketersediaan tempat duduk yang lebih tinggi** dalam menangani peningkatan permintaan dan memastikan harga penerbangan berpatutan.

Tiket tambang tetap tersebut telah dijual dengan pantas. Malah, tiket tambang biasa turut menyaksikan kadar pembelian yang tinggi dan membawa kepada peningkatan harga bagi tiket yang berbaki.

Memandangkan syarikat penerbangan bajet telah pun menambah kapasiti tetapi masih tidak cukup untuk menampung permintaan yang tinggi, maka MOT dan MAVCOM telah **melaksanakan intervensi yang seterusnya**.

Susulan perbincangan bersama Malaysia Airlines Berhad (MAB), MAB telah bersetuju untuk meningkatkan kapasiti penerbangannya. Tambahan pada itu, 40 penerbangan berjadual MAB akan menggunakan pesawat berbadan lebar Airbus A330 (*wide-body*) bagi menampung permintaan bagi sektor Kuala Lumpur ke Kuching dan Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Penambahan kapasiti ini telah membantu dalam menurunkan harga tambang sebelum ini.

Intervensi oleh MOT dan MAVCOM telah membawa kepada kelulusan kapasiti tambahan penerbangan domestik sebanyak **43.1 peratus lebih tinggi berbanding musim perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun lepas**.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Setakat 5 April 2023, 527 penerbangan tambahan yang dimohon oleh syarikat-syarikat penerbangan telah diluluskan oleh MAVCOM. Pemudahcaraan MOT dan MAVCOM telah menghasilkan tindakan yang dirumuskan seperti berikut:

**JADUAL 1:** Tindakan yang diambil untuk memenuhi permintaan penerbangan di musim perayaan Hari Raya Aidilfitri

Tarikh	Tindakan
<b>Mac 7</b>	AirAsia mengumumkan tiket tambang tetap <ul style="list-style-type: none"><li>• RM199 dari Semanjung ke Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri</li><li>• RM249 dari Semenanjung ke Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau</li><li>• Tarikh perjalanan: 19 - 21 April 2023; 28 - 30 April 2023</li></ul>
<b>Mac 10</b>	Batik Air mengumumkan tiket tambang tetap <ul style="list-style-type: none"><li>• RM299 dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Terminal 1 ke Kuching</li><li>• RM359 dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Terminal 1 ke Kota Kinabalu</li><li>• Tarikh perjalanan: 17 April 2023 - 2 Mei 2023</li></ul>
<b>Mac 29</b>	Malaysia Airlines, Firefly dan MASwings melancarkan 20,000 tiket tambahan
<b>April 6</b>	Malaysia Airlines, Firefly dan MASwings mengumumkan 18,000 lagi tiket <ul style="list-style-type: none"><li>• Pesawat badan lebar digunakan pada 20 April 2023 - 1 Mei 2023</li><li>• 54 penerbangan tambahan pergi balik ke Kuching, Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Kota Bharu, Alor Setar, Terengganu, Kuantan, Labuan, Bintulu, Sibul dan Miri</li><li>• Firefly turut menambah penerbangan ke Kota Bharu dan Kota Kinabalu</li></ul>





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**JADUAL 2:** Pecahan kelulusan permohonan penerbangan tambahan sehala untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri mengikut syarikat penerbangan

Syarikat Penerbangan	Bilangan Tambahan
Malaysia Airlines	184
Batik Air	173
AirAsia	130
Firefly	18
MASwings	12
MYAirline	10
<b>JUMLAH</b>	<b>527</b>

**JADUAL 3:** Pecahan kelulusan permohonan penerbangan tambahan sehala untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dari Semenanjung ke Sabah atau Sarawak

Kota Kinabalu	118
Tawau	70
Sandakan	32
<b>Jumlah (Sabah)</b>	<b>220</b>
Kuching	102
Sibu	34
Miri	20
Bintulu	14
<b>Jumlah (Sarawak)</b>	<b>170</b>
<b>Jumlah Besar (Sabah &amp; Sarawak)</b>	<b>390</b>





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Ini merupakan tambahan kepada 5,617 penerbangan sedia ada yang telah dijadualkan untuk beroperasi dalam Semenanjung Malaysia, 2,149 antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak, serta 2,033 antara Semenanjung Malaysia dan Sabah yang akan dikendalikan oleh semua syarikat penerbangan dalam tempoh yang dinyatakan.

Kerajaan Malaysia berbesar hati melihat industri penerbangan telah menunjukkan iltizam dan sokongan bagi memudahkan pengguna pulang ke kampung halaman sepanjang tempoh Hari Raya Aidilfitri ini.

Kerajaan juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat penerbangan, para juruterbang serta anak-anak kapal yang akan melaksanakan dan menguruskan 527 penerbangan tambahan semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri.

MOT akan terus bekerjasama dengan MAVCOM dalam memastikan kapasiti penerbangan yang mencukupi tersedia untuk menggalakkan harga tambang penerbangan yang lebih berpatutan.

Sebagai pengawal selia ekonomi dan komersial bagi industri penerbangan, MAVCOM komited untuk meluluskan semua permohonan laluan oleh syarikat penerbangan semasa musim-musim perayaan dan dalam melaksanakan mandat yang telah diberikan kepada MAVCOM untuk kepentingan negara.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**8 April, 2023**





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**-TAMAT-**

---

### **Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### **Pertanyaan Media**

Encik Lu Wei Hoong  
Setiausaha Akhbar Menteri Pengangkutan  
[lwh@mot.gov.my](mailto:lwh@mot.gov.my)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

